



**PERNYATAAN PHNOM PENH BERKAITAN
PENERIMAAN PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA ASEAN (AHRD)**

KAMI, Ketua Negara/Kerajaan Negara Anggota Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN), sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-21 di Phnom Penh, Kemboja;

MENEGASKAN SEMULA komitmen ASEAN terhadap penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asasi serta tujuan dan prinsip yang termaktub dalam Piagam ASEAN, termasuk prinsip demokrasi, kedaulatan undang-undang dan tadbir urus yang baik;

MENGULANGI komitmen ASEAN dan Negara Anggotanya terhadap Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Perisytiharan dan Program Tindakan Vienna, dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang lain, yang Negara Anggota ASEAN menjadi pihak kepadanya serta terhadap perisytiharan ASEAN dan instrumen berkaitan yang berhubung dengan hak asasi manusia;

MENGIKTIRAF kepentingan peranan Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR) sebagai institusi menyeluruh yang bertanggungjawab bagi penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia di ASEAN, yang menyumbang kepada pembinaan sebuah Komuniti ASEAN berorientasikan rakyat dan sebagai wadah untuk pembangunan sosial dan keadilan yang progresif, realisasi sepenuhnya maruah manusia dan pencapaian kualiti hidup yang lebih tinggi untuk rakyat ASEAN;

MEMUJI AICHR kerana menghasilkan suatu perisytiharan yang komprehensif tentang hak asasi manusia secara perundingan dengan Badan Sektor ASEAN dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan;

MENGIKTIRAF sumbangan bermakna Badan Sektor ASEAN dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan dalam penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia di ASEAN, dan menggalakkan keterlibatan dan dialog mereka yang berterusan dengan AICHR;

DENGAN INI:

1. **MENERIMA** Perisytiharan Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD);
2. **MENEGASKAN** komitmen kami terhadap pelaksanaan sepenuhnya AHRD untuk memajukan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia di rantau ini; dan
3. **MENEGASKAN SEMULA SEKALI LAGI** komitmen kami untuk memastikan bahawa pelaksanaan AHRD adalah menurut komitmen kami terhadap Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Perisytiharan dan Program Tindakan Vienna, dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang lain, yang Negara Anggota ASEAN menjadi pihak kepadanya, serta terhadap perisytiharan ASEAN dan instrumen berkaitan yang berhubung dengan hak asasi manusia.

DIPERBUAT di Phnom Penh, Kerajaan Kemboja, pada Lapan Belas hari bulan November tahun Dua Ribu Dua Belas, dalam satu salinan tunggal asal dalam bahasa Inggeris.

Bagi Brunei Darussalam:

t.t.

HAJI HASSANAL BOLKIAH

Sultan Brunei Darussalam

Bagi Kerajaan Kemboja:

t.t.

SAMDECH AKKA MOHA SENA PADEI TECHO HUN SEN
Perdana Menteri

Bagi Republik Indonesia:

t.t.

SUSILO BAMBANG YUDHOYONO
Presiden

Bagi Republik Demokratik Rakyat Lao:

t.t.

THONGSING THAMMAVONG
Perdana Menteri

Bagi Malaysia:

t.t.

DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
Perdana Menteri

Bagi Republik Kesatuan Myanmar:

U THEIN SEIN

Presiden

t.t.

Bagi Republik Filipina:

t.t.

BENIGNO S. AQUINO III
Presiden

Bagi Republik Singapura:

t.t.

LEE HSIEN LOONG

Perdana Menteri

Bagi Kerajaan Thailand:

t.t.

YINGLUCK SHINAWATRA

Perdana Menteri

Bagi Republik Sosialis Viet Nam

t.t.

NGUYEN TAN DUNG

Perdana Menteri



PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA ASEAN

KAMI, Ketua Negara/Kerajaan Negara Anggota Persatuan Negara Asia Tenggara (kemudian daripada ini disebut "ASEAN"), iaitu Brunei Darussalam, Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam, sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-21 di Phnom Penh, Kemboja.

MENEGASKAN SEMULA kepatuhan kami kepada tujuan dan prinsip ASEAN seperti yang termaktub dalam Piagam ASEAN, khususnya penghormatan kepada dan penggalakan serta perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asasi, serta prinsip demokrasi, kedaulatan undang-undang dan tadbir urus yang baik;

MENEGASKAN SEMULA SEKALI LAGI komitmen kami terhadap Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Perisytiharan dan Program Tindakan Vienna, dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang lain yang Negara Anggota ASEAN menjadi pihak kepadanya;

MENEGASKAN SEMULA JUGA tentang pentingnya usaha ASEAN dalam menggalakkan hak asasi manusia, termasuk Perisytiharan Kemajuan Wanita di Rantau ASEAN dan Perisytiharan mengenai Penghapusan Keganasan terhadap Wanita di Rantau ASEAN;

MEYAKINI bahawa Perisytiharan ini akan membantu mewujudkan suatu rangka kerja bagi kerjasama hak asasi manusia di rantau ini dan menyumbang kepada proses pembangunan komuniti ASEAN;

DENGAN INI MENGISYTIHARKAN SEPERTI YANG BERIKUT:

PRINSIP AM

1. Semua orang adalah dilahirkan bebas dan sama rata dari segi darjat dan hak. Mereka dikurniai kebolehan menaakul dan hati nurani dan hendaklah melayani satu sama lain dengan semangat kemanusiaan.
2. Setiap orang adalah berhak kepada hak dan kebebasan yang termaktub dalam Perisytiharan ini, tanpa sebarang apa jua perbezaan, seperti bangsa, jantina, umur, bahasa, agama, pandangan politik atau pandangan lain, asal-usul negara asal atau sosial, status ekonomi, kelahiran, kecacatan atau status lain.
3. Setiap orang mempunyai hak untuk pengiktirafan di mana-mana jua sebagai seorang insan di sisi undang-undang. Setiap orang adalah sama rata di sisi undang-undang. Setiap orang adalah berhak tanpa apa-apa diskriminasi kepada perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.
4. Hak wanita, kanak-kanak, orang tua, orang kurang upaya, pekerja hijrahan, dan kelompok rentan dan terpinggir adalah sebahagian daripada hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang tidak terpisah, penting dan tidak terbahagikan.
5. Setiap orang mempunyai hak kepada suatu remedi yang berkesan dan boleh dikuatkuasakan, yang akan ditentukan oleh suatu mahkamah atau pihak berkuasa kompeten yang lain, bagi tindakan yang melanggar hak yang diberikan kepada orang itu oleh perlembagaan atau oleh undang-undang.
6. Penikmatan hak asasi manusia dan kebebasan asasi mestilah diseimbangkan dengan pelaksanaan kewajipan sepadan kerana setiap orang mempunyai tanggungjawab terhadap semua individu lain, komuniti dan masyarakat di mana seseorang itu tinggal. Pada akhirnya adalah menjadi tanggungjawab utama semua Negara Anggota ASEAN untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi.

7. Semua hak asasi manusia adalah bersifat sejagat, tidak terbahagikan, saling bersandaran dan saling berkaitan. Semua hak asasi manusia dan kebebasan asasi dalam Perisytiharan ini mesti diperlakukan dengan cara yang adil dan saksama, pada kedudukan yang sama dan dengan penekanan yang sama. Pada masa yang sama, bagi merealisasikan hak asasi manusia pertimbangan mesti diberikan dalam konteks serantau dan kebangsaan, dengan sentiasa ingat akan latar belakang politik, ekonomi, undang-undang, sosial, budaya, sejarah dan agama yang berbeza.
8. Hak asasi manusia dan kebebasan asasi setiap orang hendaklah dilaksanakan dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada hak asasi manusia dan kebebasan asasi orang lain. Pelaksanaan hak asasi manusia dan kebebasan asasi hendaklah tertakluk hanya kepada had sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang semata-mata bagi tujuan memastikan pengiktirafan yang sewajarnya terhadap hak asasi manusia dan kebebasan asasi orang lain, dan untuk memenuhi keperluan yang berasas bagi keselamatan negara, ketenteraman awam, kesihatan awam, keselamatan awam, moral awam, dan juga kebajikan umum rakyat dalam masyarakat yang demokratik.
9. Dalam merealisasikan hak asasi manusia dan kebebasan yang terkandung dalam Perisytiharan ini, prinsip kesaksamaan, keobjektifan, tanpa sikap memilih, tanpa diskriminasi, tanpa konfrontasi dan mengelakkan dwistandard dan pempolitan, hendaklah sentiasa dipertahankan. Proses untuk merealisasikannya hendaklah mengambil kira penyertaan rakyat, keterangkuman dan perlunya kebertanggungjawaban.

HAK SIVIL DAN POLITIK

10. Negara Anggota ASEAN menegaskan semua hak sivil dan politik dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Khususnya, Negara Anggota ASEAN menegaskan hak dan kebebasan asasi yang berikut:
11. Setiap orang mempunyai hak sedia ada untuk hidup yang hendaklah dilindungi oleh undang-undang. Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya kecuali menurut undang-undang.

12. Setiap orang mempunyai hak untuk kebebasan dan keselamatan diri. Tiada seseorang pun boleh dengan sewenang-wenangnya dikenakan tangkapan, pemeriksaan, penahanan, penculikan atau apa-apa bentuk penafian kebebasan lain.
13. Tiada seseorang pun boleh ditahan sebagai pekerja paksa atau hamba dalam apa jua bentuk, atau terdedah kepada penyeludupan manusia atau pemerdagangan orang, termasuk untuk tujuan pemerdagangan organ manusia.
14. Tiada seseorang pun boleh dikenakan seksaan atau layanan atau hukuman yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah.
15. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas bergerak dan bermastautin di dalam sempadan sesebuah Negara. Setiap orang mempunyai hak untuk meninggalkan mana-mana negara termasuk negaranya sendiri, dan kembali ke negaranya itu.
16. Setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan dan menerima suaka di Negara lain menurut undang-undang Negara itu dan perjanjian antarabangsa yang terpakai.
17. Setiap orang mempunyai hak untuk memiliki, menggunakan, melupuskan dan memberikan harta yang diperoleh sendiri atau bersama dengan orang lain secara sah. Tiada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya itu dengan sewenang-wenangnya.
18. Setiap orang mempunyai hak untuk mendapat kerakyatan sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang. Tiada seseorang pun boleh dilucutkan kerakyatannya secara sewenang-wenangnya atau dinafikan haknya untuk menukar kerakyatannya itu.
19. Keluarga sebagai unit masyarakat yang semula jadi dan asas adalah berhak kepada perlindungan oleh masyarakat dan setiap Negara Anggota ASEAN. Lelaki dan wanita yang cukup umur mempunyai hak untuk berkahwin atas dasar keizinan bebas dan penuh oleh mereka, untuk membentuk keluarga dan untuk membubarkan perkahwinan, sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang.

20. (1) Setiap orang yang dituduh dengan sesuatu kesalahan jenayah hendaklah dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang dalam perbicaraan yang adil dan terbuka, oleh tribunal yang kompeten, bebas dan saksama, yang menjamin hak tertuduh untuk membela dirinya.
 - (2) Tiada seseorang pun boleh diputuskan bersalah atas apa-apa kesalahan jenayah kerana apa-apa tindakan atau peninggalan yang tidak menjadi suatu kesalahan jenayah, di bawah undang-undang negara atau antarabangsa, pada masa ia dilakukan dan tiada seseorang pun boleh menanggung hukuman yang lebih berat bagi suatu kesalahan daripada yang telah ditetapkan oleh undang-undang pada masa kesalahan jenayah itu dilakukan.
 - (3) Tiada seseorang pun boleh dibicarakan atau dihukum sekali lagi untuk kesalahan yang dia akhirnya telah pun disabitkan atau dibebaskan menurut undang-undang dan prosedur hukuman jenayah di setiap Negara Anggota ASEAN.
21. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas daripada gangguan sewenang-wenangnya terhadap privasi, keluarga, tempat kediaman atau persuratan termasuk data peribadi, atau kecaman ke atas maruah dan reputasi orang itu. Setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau kecaman itu.
22. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas berfikir, berhati nurani dan beragama. Semua bentuk sikap tidak bertoleransi, diskriminasi dan hasutan kebencian berdasarkan kepada agama dan kepercayaan hendaklah dihapuskan.
23. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas menyatakan pendapat dan bersuara, termasuk bebas mempertahankan pendapat tanpa gangguan dan mencari, menerima dan menyebarkan maklumat, sama ada secara lisan, bertulis atau melalui apa-apa medium pilihan orang itu.
24. Setiap orang mempunyai hak untuk bebas berhimpun secara aman.

25. (1) Setiap orang yang merupakan warganegara di negaranya mempunyai hak untuk menyertai kerajaan negaranya, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui wakil yang dipilih secara demokrasi, menurut undang-undang negara.
- (2) Setiap warganegara mempunyai hak untuk mengundi dalam pilihan raya berkala dan benar, yang sepatutnya diadakan melalui hak mengundi sejagat dan sama rata dan melalui undi rahsia, yang menjamin kebebasan bersuara mengikut kehendak pemilih, menurut undang-undang negara.

HAK EKONOMI, SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

26. Negara Anggota ASEAN menegaskan semua hak ekonomi, sosial dan kebudayaan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Khususnya, Negara Anggota ASEAN menegaskan seperti yang berikut:
27. (1) Setiap orang mempunyai hak untuk bekerja, untuk bebas memilih pekerjaan, untuk menikmati keadaan kerja yang adil, memuaskan dan baik dan mempunyai akses kepada skim bantuan untuk penganggur.
- (2) Setiap orang mempunyai hak untuk menubuhkan kesatuan sekerja dan menyertai kesatuan sekerja pilihannya bagi perlindungan kepentingannya, menurut undang-undang dan peraturan negara.
- (3) Tiada kanak-kanak atau mana-mana orang muda boleh terdedah kepada eksploitasi ekonomi dan sosial. Mereka yang menggaji kanak-kanak dan orang muda dalam kerja yang membahayakan moral atau kesihatan mereka, membahayakan nyawa, atau mungkin menghambat perkembangan normal mereka, termasuk pendidikan mereka hendaklah dihukum mengikut undang-undang. Negara Anggota ASEAN hendaklah juga menetapkan had umur penggajian yang mana penggajian buruh kanak-kanak di bawah had ini hendaklah dilarang dan dihukum mengikut undang-undang.

28. Setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan taraf hidup yang memuaskan bagi dirinya dan keluarganya termasuk:
- a. Hak untuk makanan yang mencukupi dan mampu dimiliki, bebas daripada kelaparan dan akses kepada makanan yang selamat dan berkhasiat;
 - b. Hak untuk pakaian;
 - c. Hak untuk perumahan yang memuaskan dan mampu dimiliki;
 - d. Hak untuk rawatan perubatan dan perkhidmatan sosial yang perlu;
 - e. Hak untuk air minuman yang selamat dan sanitasi;
 - f. Hak untuk alam sekitar yang selamat, bersih dan lestari.
29. (1) Setiap orang mempunyai hak untuk menikmati standard tertinggi yang boleh dicapai berkaitan kesihatan fizikal, mental dan pembiakan, untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang asas serta mampu dimiliki dan untuk mendapatkan akses kepada kemudahan perubatan.
- (2) Negara Anggota ASEAN hendaklah mewujudkan persekitaran yang positif bagi mengatasi stigma, sikap berdiam diri, penafian dan diskriminasi dalam pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokongan terhadap orang yang menghidap penyakit berjangkit, termasuk HIV/AIDS.
30. (1) Setiap orang hendaklah mempunyai hak terhadap keselamatan sosial, termasuk insurans sosial jika ada, yang membantunya untuk menjamin sumber pendapatan untuk kehidupan yang terhormat dan baik.
- (2) Perlindungan khas hendaklah diberikan kepada ibu dalam tempoh yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang dan peraturan negara sebelum dan selepas bersalin. Dalam tempoh itu, ibu yang bekerja hendaklah diberikan cuti bergaji atau cuti dengan manfaat keselamatan sosial yang mencukupi.

(3) Alam keibuan dan kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapatkan penjagaan dan bantuan khas. Setiap kanak-kanak, sama ada dilahirkan di dalam atau di luar nikah, hendaklah menikmati perlindungan sosial yang sama.

31. (1) Setiap orang mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan.

(2) Pendidikan rendah hendaklah diwajibkan dan disediakan secara percuma kepada semua orang. Pendidikan menengah dalam bentuk yang berlainan hendaklah disediakan dan boleh diakses oleh semua orang melalui setiap cara yang sesuai. Pendidikan teknik dan vokasional hendaklah disediakan pada amnya. Pendidikan tinggi hendaklah boleh diakses secara sama oleh semua orang berdasarkan merit.

(3) Pendidikan hendaklah dihalakan ke arah perkembangan penuh keperibadian manusia dan kesedaran tentang maruahnyanya. Pendidikan hendaklah mengukuhkan rasa hormat kepada hak asasi manusia dan kebebasan asasi di Negara Anggota ASEAN. Tambahan lagi, pendidikan hendaklah membolehkan semua orang menyertai masyarakat masing-masing secara berkesan, menggalakkan persefahaman, toleransi dan persahabatan di kalangan semua negara, kelompok bangsa dan agama, dan meningkatkan aktiviti ASEAN bagi mengekalkan keamanan.

32. Setiap orang mempunyai hak, secara individu atau bersama dengan orang lain, untuk bebas mengambil bahagian dalam kehidupan berbudaya, untuk menikmati kesenian dan manfaat daripada kemajuan sains dan aplikasinya dan untuk mendapatkan manfaat daripada perlindungan kepentingan moral dan kebendaan hasil daripada apa-apa penghasilan saintifik, kesusasteraan atau kesenian yang berkenaan yang mana seseorang itu adalah penciptanya.

33. Negara Anggota ASEAN hendaklah mengambil langkah, secara individu dan melalui bantuan dan kerjasama serantau dan antarabangsa, terutamanya ekonomi dan teknikal, sehingga ke tahap maksimum sumber yang ada, dengan tujuan untuk mencapai secara progresif dalam merealisasikan sepenuhnya hak ekonomi, sosial dan kebudayaan yang diiktiraf dalam Perisytiharan ini.

34. Negara Anggota ASEAN boleh menentukan setakat mana mereka akan menjamin hak ekonomi dan sosial yang terdapat dalam Perisytiharan ini kepada bukan warganegaranya, dengan mengambil kira hak asasi manusia dan pengelolaan dan sumber ekonomi negara masing-masing.

HAK UNTUK PEMBANGUNAN

35. Hak untuk pembangunan adalah hak asasi manusia yang tidak terpisah, yang disebabkan olehnya setiap insan dan rakyat ASEAN berhak untuk menyertai dalam, menyumbang kepada, menikmati dan mendapatkan manfaat yang saksama dan mampan daripada pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik. Hak untuk pembangunan hendaklah ditunaikan bagi memenuhi dengan saksama keperluan pembangunan dan alam sekitar generasi masa kini dan masa depan. Walaupun pembangunan memudahkan dan diperlukan untuk menikmati semua hak asasi manusia, kekurangan pembangunan tidak boleh digunakan untuk mewajarkan pelanggaran hak asasi manusia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.
36. Negara Anggota ASEAN hendaklah menerima pakai program pembangunan yang bermakna berorientasikan rakyat dan responsif terhadap jantina bertujuan untuk pembasmian kemiskinan; pewujudan keadaan yang termasuk perlindungan dan pelestarian alam sekitar bagi membolehkan rakyat ASEAN untuk menikmati semua hak asasi manusia yang diiktiraf dalam Perisytiharan ini atas dasar yang saksama, dan mengecilkan jurang pembangunan dalam ASEAN secara progresif.
37. Negara Anggota ASEAN mengakui bahawa pelaksanaan hak untuk pembangunan memerlukan dasar pembangunan yang berkesan di peringkat kebangsaan dan juga hubungan ekonomi yang saksama, kerjasama antarabangsa dan persekitaran ekonomi antarabangsa yang baik. Negara Anggota ASEAN hendaklah mengarusutamakan aspek berbilang dimensi hak untuk membangun ke dalam bidang berkaitan bagi pembinaan komuniti ASEAN dan seterusnya, dan hendaklah bekerjasama dengan komuniti antarabangsa bagi menggalakkan pembangunan saksama dan mampan, amalan perdagangan yang adil dan kerjasama antarabangsa yang berkesan.

HAK UNTUK KEAMANAN

38. Setiap orang dan rakyat ASEAN mempunyai hak untuk menikmati keamanan dalam rangka kerja keselamatan dan kestabilan, keberkecualian dan kebebasan ASEAN, dengan yang demikian hak yang termaktub dalam Perisytiharan ini boleh direalisasikan sepenuhnya. Untuk tujuan ini, Negara Anggota ASEAN hendaklah terus meningkatkan persahabatan dan kerjasama ke arah keamanan, keharmonian dan kestabilan di rantau ini.

KERJASAMA DALAM PENGGALAKAN DAN PERLINDUNGAN HAK ASASI MANUSIA

39. Negara Anggota ASEAN berkongsi kepentingan dan komitmen yang sama terhadap penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang akan dicapai melalui, antara lain, kerjasama antara satu sama lain dan juga dengan institusi/organisasi kebangsaan, serantau dan antarabangsa yang berkaitan, menurut Piagam ASEAN.
40. Tiada apa-apa pun dalam Perisytiharan ini boleh ditafsirkan sebagai membayangkan bagi mana-mana Negara, kumpulan atau individu apa-apa hak untuk melaksanakan apa-apa tindakan yang bertujuan menjejaskan tujuan dan prinsip ASEAN, atau memusnahkan mana-mana hak asasi manusia dan kebebasan asasi yang termaktub dalam Perisytiharan ini dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang Negara Anggota ASEAN menjadi pihak kepadanya.

Diterima pakai oleh Ketua Negara/Kerajaan Negara Anggota ASEAN di Phnom Penh, Kemboja, pada Lapan Belas hari bulan November tahun Dua Ribu Dua Belas, dalam satu salinan tunggal asal dalam bahasa Inggeris.